

07/05/2001

Gaji pasukan pertahanan awam perlu dikaji

KUALA LUMPUR, Ahad - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) harus mengkaji semula gaji yang ditawarkan kepada anggota pertahanan awam untuk menarik perhatian lebih ramai belia menyertai pasukan itu.

Aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye, berkata bayaran gaji dan sistem kenaikan pangkat yang diamalkan pasukan pertahanan awam sekarang adalah kurang menarik.

Beliau berkata, gaji yang diberikan kepada anggota pertahanan awam di negara ini lebih rendah berbanding negara serantau lain.

"Gaji yang diberikan kepada anggota pertahanan awam di Singapura dan Hong Kong lebih munasabah," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau berharap rakyat terutamanya bukan Bumiputera tidak menjadikan gaji rendah sebagai alasan untuk tidak menyertainya.

"Bukan Bumiputera harus turut memainkan fungsi masing-masing dalam mempertahankan keselamatan negara. Jangan jadikan gaji sebagai alasan," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tidak boleh menawarkan gaji berbeza mengikut kaum untuk menarik minat lebih ramai golongan bukan Bumiputera menyertai pasukan pertahanan atas alasan gaji yang ditawarkan kecil.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak akan memaksa rakyat menyertai pasukan pertahanan melalui perkhidmatan negara (nasional service) apabila genap umur kerana ia menyusahkan memandangkan kedudukan pasukan angkatan bersenjata negara mencukupi.

Ditanya sama ada sistem kenaikan pangkat yang diamalkan pasukan pertahanan tidak telus, Lee berkata, kenaikan pangkat di kalangan golongan bukan Bumiputera tidak ketara kerana jumlah penyertaan daripada mereka tidak ramai berbanding Bumiputera.

Beliau berkata, kira-kira 90 peratus anggota pertahanan awam di negara ini adalah Bumiputera dan sudah tentu kenaikan pangkat di kalangan mereka tinggi.

Sementara itu, Pengerusi Gerakan Selangor, Lum Weng Keong, berkata kerajaan harus mempromosikan kerjaya sebagai anggota pertahanan awam supaya belia dapat mengenali dan memahami kerjaya itu.

Beliau berkata, media massa juga harus memainkan peranan untuk mempopularkan kerjaya sebagai anggota pertahanan awam bagi menarik minat lebih ramai belia menyertainya.

"Kerajaan dan pihak media massa perlu menjadikan kerjaya itu lebih umum bagi menarik perhatian belia untuk menyertainya," katanya.

Beliau berkata, penyertaan daripada pelbagai kaum dalam pasukan pertahanan awam perlu bagi mencerminkan perpaduan kaum di negara ini.

(END)